



**SOALAN LAZIM (FAQs)
PERMOHONAN AGIHAN KHAS ZAKAT
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**

1. Adakah LZNK ada menyediakan agihan zakat ketika asnaf terkesan dalam pandemik Covid 19?

- Ya, LZNK telah membantu asnaf di negeri Kedah dengan pelbagai kaedah; antaranya adalah Agihan Khas Zakat ini yang diagih secara sekaligus (*One Off*) sebanyak RM 300 bagi setiap ketua keluarga yang terjejas pendapatan dan tinggal dalam negeri Kedah sahaja.

2. Siapakah yang LAYAK menerima skim zakat ini?

1. Beragama Islam
2. Warganegara Malaysia dan tinggal di negeri Kedah sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
3. Golongan yang terjejas pendapatan disebabkan Covid-19 dan mempunyai pendapatan isi rumah semasa di bawah RM 2,000.00 sebulan (Gaji Kasar).
4. Hanya ketua keluarga sahaja layak memohon bantuan atau waris pemohon bagi yang masih berada di bawah tanggungan.
5. Bukan penerima bantuan Kewangan Bulanan Lembaga Zakat Negeri Kedah.

3. Berapakah jumlah zakat yang akan diterima?

- RM 300 bagi setiap ketua keluarga / waris pemohon yang layak.

4. Siapakah yang TIDAK LAYAK untuk memohon?

- Bukan warganegara Malaysia.
- Penerima Bantuan Kewangan Bulanan Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- Pendapatan kasar isi rumah melebihi RM 2,000.00 sebulan (Gaji Kasar)

5. Bilakah permohonan ini dibuka?

Permohonan ini akan dibuka selama 3 minggu **bermula pada 18 Julai 2021 sehingga 7 Ogos 2021 secara atas talian (*online*) sahaja.**

6. Bagaimana cara untuk membuat permohonan?

Permohonan melalui sistem atas talian (*online*) sahaja di pautan (*link*) berikut: <https://agihan.zakatkedah.com.my/> , dan hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

7. Apakah bentuk kriteria kelayakan bagi memohon skim zakat ini?

- Hilang pendapatan disebabkan sakit, diberhentikan kerja, pengurangan gaji, cuti tanpa gaji sehingga boleh menimbulkan masalah emosi dan rumahtangga.
- Dibelenggu masalah kesihatan seperti penyakit kronik yang melibatkan kos rawatan yang tinggi atau jangkitan Covid-19 sehingga terhalang pergerakan untuk bekerja dan terpaksa dikuarantin.
- Dibelenggu masalah kesempitan hidup dan tertekan kerana kehabisan wang simpanan kecemasan.
- Mempunyai masalah bebanan hutang ketika Pandemik Covid-19 seperti hutang bil air, elektrik, sewa rumah, kenderaan, pendidikan dan lain-lain.
- Terpaksa berhutang untuk menampung keperluan asas diri dan keluarga seperti makanan, ubat, susu bayi, pendidikan anak-anak, pengangkutan dan bukan hutang untuk tujuan bermewah.
- Peniaga yang terjejas perniagaan dan sedang menanggung hutang seperti sewa kedai, utiliti dan tunggakan gaji pekerja.
- Hutang keperluan asasi asnaf miskin, guru-guru dan petugas di sekolah agama rakyat yang terjejas.

8. Bagaimanakah kaedah membuat permohonan?

- ✓ Semua dokumen sokongan tidak perlu disahkan kecuali surat pengesahan pendapatan bagi yang tiada slip gaji atau tidak bekerja.
- ✓ Setiap permohonan mestilah dibuat atas nama **ketua keluarga** atau **waris pemohon** bagi yang masih berada di bawah tanggungan seperti kategori berikut:

Kategori	Status
Suami	Jika berkahwin
Isteri	Jika bercerai (cerai hidup/cerai mati)
Isteri	Jika ditinggalkan suami tanpa nafkah
Anak	Jika ibu bapa uzur dan terlantar sakit

- ✓ Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan Agihan Zakat di pautan (*link*) <https://agihan.zakatkedah.com.my> dengan memilih **Skim Agihan Khas Zakat** serta memuat naik lampiran dokumen-dokumen berikut :
 1. Kad Pengenalan Pemohon sahaja. (Diwajibkan Depan & Belakang).
 2. Sijil nikah / surat cerai / sijil kematian suami / isteri (jika berkenaan).
 3. Slip gaji, penyata pendapatan, pencen, surat diberhentikan, cuti tanpa gaji dan sebagainya (jika berkenaan). Bagi yang TIDAK BEKERJA atau TIADA SLIP GAJI, sila cetak [Surat Pengesahan Pendapatan](#) atau dapatkan di Pejabat Zakat Daerah berdekatan).
 4. Penyata akaun bank pemohon (Akaun ASB dan Tabung Haji tidak dibenarkan).
 5. Bukti Bermastautin Pemohon : Bil Elektrik / Air / Telefon dan lain-lain bil (atas nama/alamat Pemohon).
 6. Laporan perubatan daripada doktor perubatan Hospital Kerajaan. (Jika ada).
 7. Hanya permohonan yang lengkap beserta dokumen yang diperlukan sahaja akan dipertimbangkan permohonan.

9. Jika saya TIDAK BERKERJA atau TIADA SLIP GAJI, apakah tindakan yang perlu saya buat?

1. Anda perlu mencetak [Surat Pengesahan Pendapatan](#) (klik muat turun surat tersebut)
2. Lengkapkan surat pengesahan pendapatan.
3. Dapatkan pengesahan dari Imam / Penolong Amil Kariah / Ketua Kampung JPKK / Penghulu / Pegawai Kumpulan A
4. Muat naik (*upload*) surat tersebut ke dalam Sistem Permohonan Agihan Zakat.

10. Saya merupakan penerima Bantuan Kewangan Bulanan dari lain-lain agensi seperti JKM, adakah saya layak untuk memohon skim zakat ini?

Jika jumlah keseluruhan pendapatan kasar isi rumah melebihi RM 2,000.00, maka anda tidak layak.

11. Adakah asnaf di luar negeri Kedah layak untuk memohon skim zakat ini?

Tidak, bantuan ini dibuka untuk asnaf yang hanya tinggal dan berada di dalam negeri Kedah sahaja.

12. Sekiranya saya lahir di Perak dan menetap di Kedah melebihi 1 Tahun, adakah saya layak untuk memohon skim zakat ini?

Layak bagi pemohon yang menetap di Negeri Kedah **sekurang-kurangnya 1 tahun dan ke atas.**

13. Jika saya lahir di Kedah tetapi menetap di luar Kedah seperti Perlis, adakah saya layak untuk memohon?

Tidak Layak, kerana anda berada di luar negeri Kedah. Sila rujuk pusat zakat negeri masing-masing untuk permohonan zakat.

14. Saya berstatus bukan warganegara, akan tetapi sudah tinggal di Kedah melebihi setahun. Adakah saya layak memohon skim zakat ini?

Tidak layak kerana permohonan ini dibuka kepada warganegara Malaysia sahaja.

15. Adakah permohonan ini boleh dibuat secara manual?

Tidak. Kesemua proses permohonan perlulah melalui sistem atas talian sahaja.

16. Adakah golongan bujang layak memohon?

Permohonan ini hanya dibuka kepada asnaf yang bekeluarga sahaja, kecuali bagi anak bujang yang menjadi wakil kepada ibu bapa yang sedang uzur.

17. Adakah semua jenis akaun bank diterima LZNK?

Semua jenis akaun bank adalah diterima kecuali akaun Tabung Haji dan ASB.

18. Apakah maklumat yang perlu ada dalam salinan akaun bank / penyata bank pemohon?

Tiga (3) maklumat penting dan wajib ada adalah :

1. Nama Pemilik Akaun
2. No akaun bank
3. Nama Bank.

19. Sekiranya akaun bank saya tidak aktif atau tidak mempunyai akaun, apakah alternatif yang disediakan oleh LZNK?

Pemohon boleh menggunakan akaun bank pasangan yang sah (merujuk kepada lampiran Sijil Nikah).

20. Bilakah jangkaan pembayaran bantuan ini akan dibuat?

Pembayaran akan dibuat secara berperingkat selepas permohonan ditutup.

21. Bagaimanakah cara untuk saya berhubung dengan LZNK bagi mendapatkan keterangan lanjut?

Untuk keterangan lanjut, boleh hubungi Nombor Pejabat Zakat Daerah masing-masing.

Tempat	Nombor Telefon
Ibu Pejabat	019-4181740
Kota Setar	04-7318005 / 019-5739155
Kubang Pasu	04-9171561 / 019-4967255
Kuala Muda	04-4411881 / 019-4122155
Kulim	04-4900873 / 019-5732155
Baling	04-4702428 / 013-4529155
Sik	04-4695895 / 019-4104255
Padang Terap	04-7866239 / 019-5172155
Pendang	04-7594515 / 019-4123155
Yan	04-4683482 / 019-4804155
Pokok Sena	04-7821513 / 019-518 6155
Bandar Baharu	04-4079670 / 019-4738255
Langkawi	04-9660179 / 019-4753155

- TAMAT -